

KELESTARIAN BAHASA MELAYU PADA PAPAN KENYATAAN

Safiah Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
safiah@usm.my

Shahdatulakma Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
shahdatulakma@usm.my

Azlina Md Sadik

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
msazlina@usm.my

ABSTRAK

Bahasa jiwa bangsa. Inilah antara ungkapan yang menggambarkan peri pentingnya bahasa terhadap sesebuah bangsa. Bahasa bukan sahaja berperanan sebagai wadah komunikasi antara seseorang insan dengan masyarakat di sekeliling, tetapi juga sebagai pancaran kehidupan sesebuah bangsa. Di Malaysia, bahasa Melayulah yang menjadi jiwa bangsanya. Justeru, pelbagai usaha dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara. Slogan demi slogan, seminar demi seminar, dan forum demi forum rancak diadakan sebagai usaha merealisasikan impian dan harapan tinggi menggunung terhadap peranan bahasa Melayu. Sayangnya bahasa Melayu kini diuji badai globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodernisme yang sukar ditangkis. Fungsinya yang sudah termaklup dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan tidak diendahkan. Tambahan pula penggunaan bahasa Inggeris juga nampaknya semakin diutamakan. Adakah rempuhan dunia globalisasi dan teknologi maklumat kini menyebabkan persepsi masyarakat terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa fungsional turut berubah dan ramai yang gusar serta meraguinya, apatah lagi dengan kemajuan teknologi, penggunaan bahasa Inggeris begitu menonjol dalam ranah kehidupan. Hal ini turut mempengaruhi penggunaan bahasa pada papan kenyataan universiti yang mempamerkan pelbagai informasi, notis, larangan dan sebagainya. Masyarakat kampus seolah-olah tidak peka dan sedia menerima keadaan ini. Persoalannya, siapakah yang perlu dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan? Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan i) Sejauhmanakah pengaruh bahasa Inggeris terhadap ketidaklestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan, ii) tahap kepekaan pelajar terhadap kesalahan bahasa Melayu iii) cabaran untuk melestarikan bahasa Melayu pada papan kenyataan.

Kata kunci: Kelestarian, tanggungjawab, sikap, cabaran

1.0 Pendahuluan

PERKARA 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, memperuntukkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara. Bahasa rasmi yang dimaksudkan ialah bahasa yang digunakan dalam semua urusan rasmi yang meliputi wacana lisan dan tulisan pada peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Wacana lisan rasmi termasuklah mesyuarat, taklimat, ucapan, ceramah, syarahan, perbincangan pentadbiran dan yang seumpamanya. Wacana tulisan rasmi pula meliputi urusan surat-menyurat pentadbiran, minit mesyuarat, memo, laporan, kertas cadangan, pekeliling dan sebagainya. Bahasa yang digunakan di tempat awam seperti pada papan iklan, papan tanda dan premis perniagaan juga terangkum sebagai bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi. Justeru, pada 22 Disember 2005, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006 telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara dan diedarkan kepada semua kementerian, jabatan persekutuan, pengurusan badan berkanun persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik, betul dan santun, serta memperluas penggunaannya secara menyeluruh. Persoalannya, adakah perkara ini dilaksanakan sepenuhnya?

Kita tidak menafikan bahawa pelbagai usaha dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara. Slogan demi slogan seminar demi seminar, forum demi forum begitu rancak diadakan demi merealisasikan impian dan harapan tinggi menggunung terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini. Sayangnya bahasa Melayu kini diuji badai globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodernisme yang sukar ditangkis. Bahasa Melayu tidak lagi memiliki kedudukan yang tinggi pada mata masyarakat. Persepsi terhadap kemampuan bahasa Melayu juga diselewengkan malah diremehkan. Walaupun negara kita telah 59 tahun merdeka, namun minda rakyatnya mula kembali dijajah. Setiap lapisan masyarakat kini mula menganggap bahasa penjajah khususnya bahasa Inggeris perlu diutamakan dan mempunyai kelebihan dalam semua aspek. Justeru, tidak hairan jika kita melihat notis, memo, dan pelbagai maklumat ditulis dalam bahasa Inggeris. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat ketidaklestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan di beberapa buah pusat pengajian dan jabatan tertentu. Antara aspek yang dilihat adalah penggunaan bahasa Inggeris, kepekaan pelajar terhadap

ketidakelestarian dalam aspek kesalahan dari segi ejaan, penggunaan perkataan, struktur ayat, imbuhan, penggunaan perkataannya dan laras tatabahasa yang tidak tepat, dan cabaran untuk melestarikannya. Antara faktor ketidakelestarian yang dikenal pasti melalui dapatan soal selidik adalah faktor sikap masyarakat kampus itu sendiri yang tidak meletakkan kepentingan untuk memartabatkan bahasa Melayu, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dan pengaruh bahasa asing terutama bahasa Inggeris. Persoalannya ialah, adakah fenomena ini menunjukkan kecintaan pelajar terhadap bahasa Melayu kian sirna?

Kajian ini juga merupakan lanjutan daripada kajian yang telah dilakukan oleh Siti Ajar dan Safiah (2013). Dapatan kajian mereka telah membuktikan bahawa pelajar di institusi pendidikan tinggi (IPT) hanya mempelajari bahasa Melayu sebagai keperluan bukan kerana kecintaan terhadap bahasa tersebut. Justeru, daripada dapatan kajian ini pengkaji berpendapat bahawa tahap kepekaan pelajar terhadap kesalahan bahasa yang terdapat pada papan kenyataan tidak diindahkan oleh pelajar. Pelajar tidak peka akan kesalahan bahasa yang terdapat pada papan kenyataan di pusat pengajian mereka mahupun di persekitaran universiti. Oleh yang demikian, perkara ini penting untuk ditelusuri jika kita tidak mahu perkara ini terus berlanjutan dan mungkin tidak mustahil dengan sikap kita yang tidak lagi memperkasakan bahasa Melayu akan menyebabkan bahasa Melayu kian menuju ke arah kepupusan. Sebaliknya, kita berlumba-lumba untuk memperkukuh bahasa Inggeris. Maka kajian ini akan melihat tahap kelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan yang merangkumi aspek sikap pelajar dan masyarakat kampus yang lain serta cabaran dalam usaha melestarikan penggunaan bahasa Melayu di IPT.

2.0 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Kajian yang dilakukan bersifat kuantitatif iaitu bentuk kajian lapangan yang menggunakan instrumen soal selidik. Seramai 120 responden dijadikan sampel kajian yang dipilih secara rawak dan responden terdiri daripada pelajar pelbagai kaum yang mewakili beberapa pusat pengajian. Soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama: maklumat responden, kedua: maklumat soal selidik dan ketiga: bentuk kesalahan yang sering ditemui dan cabaran terhadap kelestarian bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan skala likert (amat tidak bersetuju, tidak bersetuju, bersetuju dan amat bersetuju) dan setiap item diberikan nilai 1, 2, 3 dan 4. Soal selidik berdasarkan skala likert digunakan untuk memastikan bahawa semua item mengukur perkara yang sama. Kaedah kualitatif ini dipilih kerana kaedah ini dapat menunjukkan dapatan kajian yang berpada dan boleh dipercayai kesahihannya serta dapat menjawab persoalan yang telah dinyatakan.

3.0 Pernyataan Masalah

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) lestari bermaksud tidak berubah-ubah dan kelestarian pula bermaksud keadaan yang tidak berubah-ubah dan terpelihara seperti asal. Walaupun maksud lestari dan kelestarian sering digunakan dalam isu alam sekitar, namun konsep ini juga pada pandangan penyelidik boleh diaplikasikan dalam konteks penggunaan bahasa Melayu kini. Di mana-mana sahaja didapati penggunaan bahasa Melayu yang standard juga tidak dipentingkan termasuklah di institusi pengajian tinggi. Hal ini terbukti apabila penggunaan bahasa Melayu pada papan kenyataan di persekitaran universiti kini juga didapati tidak mementingkan penggunaan bahasa yang standard dan terdapat pelbagai bentuk kesalahan bahasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu kini sudah tidak utuh penggunaannya dan sudah berubah daripada bentuk asal bahasa Melayu yang sempurna. Justeru, senario ini dapat kita simpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu tidak lagi lestari.

Isu kelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan di persekitaran universiti sejak kebelakangan ini kian ketara. Informasi atau hebohan yang terpampang pada papan kenyataan amat penting kepada pelajar khususnya dan masyarakat kampus amnya. Penggunaan bahasa Melayu yang standard pada papan kenyataan dapat menjadikan komunikasi antara pihak pengurusan dengan pelajar atau antara pelajar dengan pelajar dapat dijalankan secara efisien. Seperti yang kita tahu, papan kenyataan merupakan salah satu medium komunikasi utama di dalam kampus. Segala maklumat boleh didapati pada papan kenyataan tidak kira maklumat tersebut penting atau tidak. Maklumat tersebut dapat difahami sekiranya tidak mengandungi kesilapan dalam penggunaan bahasanya. Pembaca khususnya pelajar tidak akan keliru dan maklumat yang disampaikan juga berkesan.

Bukan itu sahaja, papan kenyataan juga boleh menjadi medium pembelajaran yang efektif dan berterusan kepada pelajar sekiranya semua pihak menggunakan bahasa yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja, tidak terhad di dalam bilik kuliah. Sayangnya penggunaan bahasa Melayu yang tepat tidak dipedulikan. Ali Salim (2008), menegaskan bahawa penulisan yang salah seperti dalam notis, iklan dan surat kepada umum selalu berlaku dan akan menyebabkan masyarakat keliru dan terikut-ikut sehingga menganggap yang biasa didengar dan dilihat itu betul. Tambahan pula dengan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang banyak menggunakan bahasa Inggeris, peranan bahasa Melayu semakin tercabar, ditambah dengan sikap sebahagian besar rakyat Malaysia yang begitu mengagung-agungkan bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai bahasa kemajuan dan bahasa global. Dalam hal ini, penekanan kerajaan terhadap kepentingan bahasa Inggeris meneguhkan sikap negatif sesetengah pihak terhadap bahasa Melayu (Juriah Long, 2009). Hal ini terbukti apabila kita melihat bahasa Inggeris digunakan secara berleluasa di persekitaran universiti termasuk bahasa yang digunakan pada papan kenyataan.

Dalam pembangunan negara seperti Malaysia, bahasa Inggeris bukanlah menjadi titik penamat untuk menjadikan sebuah negara itu maju atau mundur. Bahasa Melayu sebenarnya sudah mempunyai asas bahasa ilmu yang kukuh sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, namun sikap keterbukaan dasar kita sejak merdeka, menjadikan bahasa Melayu hanya nampak gah dalam perlembagaan tetapi lemah dari sudut penguatkuasaan. (Dilan Tuah, 2016)

Selain menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya, kelihatan juga pelbagai bentuk kesalahan seperti kesalahan ejaan, istilah, tatabahasa dan penggunaan alih kod. Dalam kajian Safiah, Siti Ajar dan Suhana (2010), mereka telah membuktikan bahawa

fenomena alih kod ini berlaku oleh sebab latar belakang pelajar yang kebanyakan mereka mempunyai kelebihan dalam menguasai lebih daripada satu bahasa. Sebagai akibatnya, mereka akan secara tidak langsung mempunyai kecenderungan terhadap penggunaan alih kod. Menurut kajian mereka lagi, fenomena alih kod ini berlaku bukanlah suatu kebetulan atau terjadi secara sembarangan, dan bukan pula merupakan kecacauan penggunaan bahasa seperti yang dikatakan oleh kebanyakan orang, melainkan ditentukan oleh pelbagai keadaan sosial dan situasi. Justeru, dapat kita katakan bahawa fenomena alih kod ini bukan sahaja berpunca pada pelajar itu sendiri tetapi persekitaran juga turut memainkan peranan. Lanjutannya, akan lahirlah pelajar yang tidak peka atau cakna akan kesalahan yang mungkin wujud di persekitaran mereka.

Sehubungan itu juga, Siti Ajar dan Safiah (2013) dalam kajian Pengajaran dan Pembelajaran di IPT: Antara Keperluan dengan Kecintaan membuktikan bahawa pelajar mempelajari bahasa Melayu kerana keperluan pengijazahan bukannya kerana rasa cinta akan bahasa Melayu itu sendiri. Pelajar belajar subjek Bahasa Melayu semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan. Mereka tidak bermotivasi mempelajari kursus ini. Walaupun subjek ini merupakan subjek ulangan atau kesinambungan dari peringkat menengah, namun pelajar masih memandang enteng dan melakukan kesalahan atau tidak dapat menguasainya dengan baik. Hal ini terbukti apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka tidak peka akan kesalahan bahasa yang ada pada papan kenyataan. Justeru, dapat kita simpulkan bahawa, dasar kerajaan untuk memperkasakan bahasa Melayu kian terhakis.

Selain itu juga, dengan kemajuan dalam teknologi maklumat, medium perantaraan menjadi semakin cepat dan pantas. Dengan adanya laman sosial seperti 'Whatsapp', 'Twitter', 'Face Book' dan sebagainya menjadikan penggunaan bahasa semakin ringkas. Hal ini telah diperkukuh oleh kajian Siti Ajar dan Safiah (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan khidmat pesanan ringkas (SMS) akan memberikan impak yang negatif dalam penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar. Apabila pelajar terbiasa dengan penggunaan bahasa yang ringkas, maka secara tidak langsung mereka akan terbawa-bawa dengan kebiasaan yang telah sebatu itu dalam kehidupan mereka. Justeru, lama-kelamaan mereka tidak lagi peka akan penggunaan perkataan atau ayat yang standard. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kertas kerja ini akan membincangkan persoalan sama ada ketidaklestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan di beberapa buah pusat pengajian dan jabatan tertentu berlaku kerana pengaruh bahasa Inggeris atau sikap pelajar sendiri yang tidak cakna akan penggunaan bahasa yang standard.

4.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan:

- i) melihat pengaruh bahasa Inggeris terhadap ketidaklestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan,
- ii) melihat tahap kepekaan pelajar terhadap kelestarian bahasa Melayu dan
- iii) mengenal pasti cabaran untuk melestarikan bahasa Melayu pada papan kenyataan.

5.0 Dapatan Kajian

5.1 Sampel Kajian

Kajian berdasarkan soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama: maklumat responden, kedua: maklumat soal selidik dan ketiga: bentuk kesalahan yang sering ditemui dan cabaran terhadap kelestarian bahasa Melayu.


Jadual 1: Taburan Sampel Mengikut Jantina

Perempuan	87
Lelaki	33


Jadual 2: Taburan Sampel Mengikut Bangsa

Melayu	46
Cina	44
India	30

CARTA 1: Taburan Skala Jawapan Responden Mengikut Soalan



CARTA 2: Jumlah Peratusan Mengikut Soalan



5.2 Analisis

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, 76.7% bersetuju bahawa penggunaan bahasa Melayu pada papan kenyataan kini tidak lestari, tidak diberikan keutamaan dan kian sirna. Hal ini terbukti apabila terdapat dalam kalangan responden yang dapat mengesan kesalahan yang terdapat pada papan kenyataan baik dari segi ejaan, penggunaan perkataan, laras tatabahasa yang tidak tepat, penggunaan campuran kod, dan lain-lain iaitu sebanyak 75.0%.

Penggunaan bahasa Inggeris juga mendapati semakin diutamakan. Dapatan ini disokong dengan soalan 2 apabila responden mengatakan bahawa penggunaan bahasa Inggeris pada papan tanda kini lebih diutamakan iaitu sebanyak 83.4%. Dalam masa yang sama penggunaan campuran kod atau lebih dikenali sebagai ‘bahasa rojak’, simbol dan singkatan perkataan turut dilihat berleluasa iaitu sebanyak 70%. Sebagai contoh ‘Tambah RM10 untuk requested software’, ‘Please hantar assignment esok’, ‘Hari ni class cancel’ ‘X’ atau ‘tq’ yang bermaksud tidak dan sebagainya. Pada asalnya, perkara ini tidak menjadi masalah jika

digunakan untuk keperluan peribadi. Malangnya, perkara ini menjadi kebiasaan sehingga mereka terbawa-bawa dalam penggunaan rasmi seperti dalam penulisan notis pada papan kenyataan. Akibatnya, berlakulah ketidakelestarian bahasa.

Tambahan pula responden juga menyatakan bahawa mereka lebih mementingkan maksud yang ingin disampaikan berbanding bahasa yang digunakan iaitu sebanyak 80.8%. Dapatan ini terbukti dengan dapatan soalan 5 iaitu sebanyak 75.0% pelajar mengatakan bahawa mereka sememangnya tidak peduli akan kesalahan yang terdapat. Hal ini berlaku kerana dalam kehidupan seharian, mereka jarang-jarang menggunakan bahasa yang standard. Ramai yang berpendapat bahawa bahasa ini terikat dengan pelbagai peraturan dan menyukarkan mereka. Justeru, tidak hairanlah berlakunya ketidakelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan kerana sikap pelajar sendiri yang tidak cakna terhadap pentingnya menggunakan bahasa yang standard. Hal ini terbukti apabila 80.8% mengatakan bahawa mereka lebih mementingkan maksud yang ingin disampaikan berbanding bahasa yang digunakan. Walau bagaimanapun ramai responden masih bersetuju bahawa penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda di pusat pengajian masih relevan digunakan dan peratusannya ialah 90.0%. Dalam masa yang sama mereka juga tidak bersetuju jika dikatakan bahasa yang tidak tepat tidak memberikan apa-apa kesan kepada pelajar dan jumlahnya sebanyak 70.0%. Hal ini demikian kerana kebanyakan pelajar akan membaca maklumat yang ditampalkan pada papan kenyataan. Secara tidak langsung bahasa yang digunakan pastinya akan mempengaruhi mereka.

Daripada soal selidik, kebanyakan responden tidak menafikan bahawa fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam perkara 152 tidak memberikan apa-apa kesan kepada mereka iaitu sebanyak 65.0%. Hal yang amat menyedihkan kita adalah apabila 47.5% responden bersetuju dengan kenyataan yang mengatakan bahawa bahasa Melayu suatu hari nanti akan terkubur tanpa batu nisannya. Mengapakah perkara ini berlaku?

6.0 Cabaran Untuk Melestarikan Bahasa Melayu Pada Papan Kenyataan

6.1 Pengaruh Bahasa Inggeris

Daripada soal selidik yang dijalankan sebanyak 38.6% responden mengatakan bahawa cabaran utama untuk memartabatkan bahasa Melayu ialah pengaruh bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat banyak notis yang ditampalkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya atau berlakunya percampuran kod. Penggunaan bahasa Inggeris dan / atau bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa Inggeris, boleh dianggap sebagai ciri distingtif dalam budaya rakyat Malaysia. Perlakuan bahasa ini diamalkan oleh banyak pihak, malah semua pihak. Malah percampuran bahasa ini juga sudah menjadi semacam budaya nasional (Teo Kok Seong, 2007). Hal ini berlaku seiring dengan perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang banyak menggunakan bahasa Inggeris, ditambah dengan sikap sebahagian besar rakyat Malaysia yang begitu mengagung-agungkan bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai bahasa kemajuan dan bahasa global. Kecenderungan IPTA khususnya yang mendaulatkan bahasa Inggeris apabila proses P&P diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya (Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, Lee Yok Lee, Savinder Kaur Sandhu & Mohd Hafiz Sulaiman, 2011) juga menyebabkan peranan bahasa Melayu semakin tercabar.

Dalam hal ini, penekanan kerajaan terhadap kepentingan bahasa Inggeris meneguhkan sikap negatif sesetengah pihak terhadap bahasa Melayu (Juriah Long, 2008). Apatah lagi bahasa Melayu terpaksa bersaing dengan bahasa Inggeris yang semakin menguasai kesemua kursus pada peringkat pengajian tinggi untuk memudahkan graduan mencari peluang pekerjaan (Saadah Jaffar & Noor Aina Dani, 2011).

Dato' Dr Hassan Ahmad turut menegaskan bahawa orang Melayu makin lama makin tidak berfikir atau tidak pandai berfikir lagi dalam bahasanya sendiri dan menggunakan bahasa kedua, khususnya bahasa Inggeris, sebagai 'bahasa fikirannya', lalu dengan demikian mereka melakukan berbagai-bagai jenis kecelaruan dan kesalahan penggunaan bahasa Melayu (Hassan Ahmad, 2007). Terdapat sesetengah daripada pengaruh bentuk dan susunan ragam bahasa Inggeris yang telah begitu sebatu dalam penggunaan bahasa Melayu sehingga pengguna bahasa Melayu tidak sedar lagi akan kesalahan tersebut dan menyangka bentuk tersebut adalah betul. Sebagai contoh, penggunaan perkataan 'di mana' (where is), 'yang mana' (which is), dan sebagainya. Hal ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar, malah berlaku juga dalam kalangan kakitangan. Dapatan kaji selidik mendapati semua responden bersetuju bahawa perkara ini telah menjadi salah satu punca ketidakelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan.

Dilan Tuan (2016) turut menegaskan bahawa senario yang berlaku pada hari ini bukanlah disebabkan oleh kelemahan bahasa Melayu itu sendiri, tetapi banyak dipengaruhi sikap masyarakat kita yang gagal memahami keperluan bangsa dan bernegara. Justeru, apabila berlaku pertembungan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu sering kali dijadikan kambing hitam yang menyebabkan kegagalan dasar pendidikan kita.

6.2 Sikap Pelajar Dan Kelemahan Pengguna Bahasa Melayu Standard

Melalui hasil soal selidik seperti dalam analisis data di atas, jelas terbukti bahawa 80.8% responden tidak cakna terhadap kesalahan yang berlaku. Mereka lebih mementingkan maklumat yang ingin disampaikan berbanding penggunaan bahasa yang standard. Responden juga bersetuju bahawa penggunaan bahasa yang tidak rasmi lebih mudah difahami kerana bahasa yang tidak rasmi ini lebih dekat dengan mereka. Hal ini berkaitan juga dengan penguasaan bahasa Melayu mereka yang lemah. Justeru, mereka tidak cakna terhadap kesalahan yang berlaku sama ada dari segi penggunaan perkataan, struktur ayat, ejaan, dan sebagainya walaupun mereka telah belajar Bahasa Melayu sejak di alam persekolahan. Hal ini disokong dengan kenyataan Johan Jaafar (2013) yang menyatakan bahawa para pelajar kita yang belajar Bahasa Malaysia sejak Tingkatan satu hingga Tingkatan Lima (11 tahun) tidak dapat membezakan antara 'ialah' dengan 'adalah', 'dari' dengan 'daripada', dan lebih malang

lagi terdapat kesalahan menggunakan kata ganti diri ketiga bagi bilangan yang banyak 'mereka' hingga menjadi 'mereka-mereka' serta banyak lagi kelemahan dan kesilapan yang berleluasa dalam bahasa Melayu pada hari ini. Malah timbul tanggapan bahasa Melayu tidak memberikan kepentingan kepada seseorang dan ada yang mengkelaskannya sebagai 'bahasa kampung' yang tidak mampu membawa pengamalannya ke arah kemajuan.

Menurut Dilan Tuan (2016) lagi kelemahan penguasaan bahasa Melayu di Malaysia banyak dipengaruhi oleh faktor kurangnya pembudayaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita sendiri. Walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah, namun bahasa tersebut tidak dibudayakan dalam konteks penggunaannya sehari-hari. Di sekolah, bahasa Melayu hanya dipelajari sebagai syarat lulus ujian dan bukannya sebagai satu keperluan bernegara. Awang Sariyan (2016) turut menegaskan bahawa kedudukan bahasa Melayu kurang terbudaya dalam kalangan sejumlah anggota masyarakat, khususnya dalam konteks fungsional. Hal ini terbukti apabila penghayatan penjawat awam kurang memuaskan dalam pelaksanaan peruntukan Perkara 152 tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi sehingga masih banyak urusan rasmi tidak mengutamakan bahasa Melayu. Penguatkuasaan dalam sektor tertentu juga tidak tegas dan tidak selaras. Beliau juga menyatakan bahawa budaya berbahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia, termasuk dalam kalangan orang Melayu sendiri tidak cukup mantap kerana adanya anggapan bahawa bahasa Melayu tidak berkolerasi dengan taraf sosial dan pendidikan serta tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Jika bahasa Melayu digunakan pula, masih besar jumlah anggota masyarakat, termasuk golongan yang berpengaruh menggunakannya pada tahap mutu yang tidak begitu mencerminkan budaya tinggi.

6.3 Tiadanya Pemantauan Pihak Pengurusan

Kelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan amat bersangkut-paut dengan pihak pengurusan universiti. Sebagaimana yang kita ketahui, notis atau poster yang bakal ditampalkan pada papan kenyataan seharusnya melalui proses memperbaiki, memeriksa dan seterusnya meluluskan permohonan tersebut. Namun begitu, hal ini kurang dititikberatkan. Penggunaan bahasa yang tepat dianggap tidak penting. Keadaan ini menyebabkan lambakan notis, iklan dan lain-lain yang mempunyai pelbagai bentuk kesalahan. Pemantauan juga kurang dilakukan oleh pihak universiti. Jawatankuasa Bertindak Bahasa Melayu yang ditubuhkan di kebanyakan universiti seolah-olah tidak bertindak untuk mengawasi pelaksanaan dasar bahasa Melayu. Secara tidak langsung, situasi ini menjejaskan imej universiti sebagai pusat perkembangan ilmu.

6.4 Peranan Pendidik

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) didik bermaksud pelihara, jaga atau ajar. Mendidik pulak membawa makna menjaga dan melatih. Manakala pendidik pulak merujuk orang yang mendidik. Maka daripada konteks makna kamus, dapat disimpulkan bahawa dunia yang berkaitan pendidikan itu berkisar tentang mendidik, mengajar, menjaga serta melatih. Hakikat makna semua entri dalam kamus ini boleh kita katakan merujuk peranan 'seseorang' yang boleh kita gelarkan sebagai guru atau 'pendidik'. Dalam konteks kajian ini, warga pendidik iaitu pensyarah turut memikul tanggungjawab untuk melestarikan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Para pendidik telah gagal menjadi suri teladan kepada pelajar. Ramai dalam kalangan mereka menggunakan 'bahasa rojak' sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Rentetan senario ini, pelajar turut terpengaruh dan tidak memberikan perhatian terhadap penggunaan bahasa Melayu yang tepat.

Sehubungan itu, didapati usaha memartabatkan dan melestarikan bahasa Melayu tidak menjadi keutamaan. Keutamaan lebih tertumpu pada pencapaian akademik yang cemerlang. Para pendidik harus sedar bahawa mereka merupakan domain terpenting dalam menjaga keberadaan kelestarian bahasa Melayu agar kian utuh dan mantap di persada negara. Biarpun dunia semakin maju dengan desakan keperluan bahasa 'lingua franca' yang telah berubah, namun sebagai pendidik mereka perlu terus memegang dan memasak lidah mereka agar terus menggunakan bahasa Melayu yang kian terhimpit. Keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan itu bukan hanya terletak pada 'bahasa' yang digunakan tetapi juga bergantung pada metodologi yang digunakan. Maka, kemurnian bahasa Melayu akan terus terbelah.

7.0 Kesimpulan

Kelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan merupakan isu yang semakin meruncing sejak akhir-akhir ini dan tidak seharusnya dipandang remeh. Penggunaan bahasa yang tidak mengikut laras tatabahasa yang tepat boleh mengelirukan pelajar dan sesiapa sahaja yang membacanya. Di samping itu, orang asing juga akan memandang serong kepada kita yang boleh menyebabkan mereka tidak berminat mempelajari bahasa Melayu. Negara kita akan hilang kedaulatannya apabila terdapat bahasa kebangsaan yang digunakan secara sesuka hati pada papan-papan kenyataan terutama di IPT. Bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa kebangsaan harus dijaga dengan baik dalam usaha membina negara yang mempunyai identiti tersendiri. Jikalau kecelaruan penggunaan bahasa Melayu bertambah serius, bahasa Melayu tidak lagi dapat digunakan sebagai bahasa kemajuan, bahasa ilmu dan budaya tinggi, di negara ini digantikan dengan bahasa Inggeris (Hassan Ahmad, 2007).

Memartabatkan bahasa Melayu merupakan tanggungjawab bersama rakyat Malaysia. Pada peringkat universiti penguatkuasaan perlulah dilakukan. Hal ini amat bertepatan dengan kehendak responden iaitu 80.8% bersetuju bahawa sebuah organisasi khas perlu diwujudkan dan bertindak tegas sekiranya mahu mengekalkan kelestarian bahasa Melayu pada papan kenyataan. Kita tidak boleh meletakkan soal memartabatkan bahasa Melayu ini pada bahu Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), sekolah dan pencinta bahasa tetapi peranan ini memerlukan kerjasama semua pihak. Raja Masittah (2008) turut bersetuju bahawa usaha untuk menyemarakkan bahasa, bukan sahaja tugas dan peranan ahli-ahli bahasa. Usaha ini harus digandingkan dengan mereka yang terlibat dalam pelbagai bidang seperti sasterawan, budayawan, ahli psikologi, ahli sains dan matematik, pakar teknologi maklumat, ahli politik dan lain-lain.

Selain itu juga, kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji akan datang dalam membuat kajian lanjut mengenai kedudukan bahasa Melayu kita di IPT. Perkara kelestarian ini perlu ditelusuri dengan lebih lanjut supaya pada masa akan datang kita dapat menyelamatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu yang mampu berdiri setanding dengan bahasa dunia yang lain seperti bahasa Inggeris. Pengkaji juga berharap, melalui hasil kajian ini kita dapat melahirkan generasi ilmuan yang lebih peka akan bahasa nenek moyang kita ataupun bahasa kebangsaan kita. Hal ini demikian kerana, kita tidak mahu bahasa Melayu ataupun bahasa kebangsaan kita tidak lagi menjadi wahana ilmu pada masa akan datang dan tidak mustahil akan terkubur atau pupus seperti bahasa Hawaii dan lain-lain lagi di dunia.

Justeru, Jawatankuasa Bertindak Bahasa Melayu yang sudah pun wujud di kebanyakan IPT perlulah sentiasa mengambil tindakan yang proaktif seperti yang tertera dalam rangka tugas yang diamanahkan. Jika semua pihak bekerjasama “bagai aur dengan tebing” untuk memartabatkan bahasa Melayu dan menjalankan tugas dengan teliti, tidak mustahil bahasa kita akan menjadi bahasa antarabangsa yang berada pada tahap terpenting khususnya dalam bidang pendidikan. Jika tidak, bahasa Melayu akan musnah ditelan zaman. Semoga kita akan dapat meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat. Maka, kita haruslah membetulkan kesalahan yang biasa dilakukan dan membiasakan perkara yang betul.

Rujukan

- Awang sariyan (2016). [Http://documents.tips/documents/memartabatkan-bahasa-melayu-55cd88a0a87eb.html](http://documents.tips/documents/memartabatkan-bahasa-melayu-55cd88a0a87eb.html). Dicapai pada 22 September 2016.
- Dilan Tuah (2016). Bahasa Melayu dalam Transformasi Pendidikan Negara. Majalah Dewan Bahasa, Februari 2016. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dilan Tuah (2016). Merdeka Bangsa Merdeka Bahasa. Majalah Dewan Bahasa Ogos. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elaine Allen and Christopher A. Seaman. <http://asq.org/quality-progress/2007/07/statistics/likert-scales-and-data-analyses.html>. Dicapai pada 29 September 2016.
- Hassan Ahmad(2007). Kecelaruhan Bahasa dari Faktor Dalaman. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa Rojak yang diadakan pada 18-19 Julai 2007 Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Johan Jaafar, (2013). Yang Indah, Yang Santun itu Bahasa. Berita Harian: 7 Februari 2013
- Juriah Long (2009). Pendidikan Bahasa Melayu Pada Abad ke-21: Antara Hasrat dengan Pelaksanaan. Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Bahasa Dunia, 28-30 September; 2009
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerajaan Malaysia (2006). Surat Pekeliling Am Bilangan I Tahun 2006. Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam perkhidmatan Awam. Jabatan Perdana Menteri Malaysia: 22 Disember 2005.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, Lee Yok Lee, Savinder Kaur Sandhu & Mohd Hafiz Sulaiman, 2011:170. Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa: Realiti atau Fantasi. Kertas Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VII (SALPBM VII), Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Ali Salim (2008), Bahasa Melayu Rakan Bahasa Anda?. Majalah Dewan Bahasa, Ogos 2008, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Haji Abdul Karim (2012). Motivasi dan Hala Tuju Bahasa Melayu. Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu setelah 55 Tahun Merdeka, 26 – 27 November 2012, Hotel Eastin, Pulau Pinang.
Portal Rasmi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. <http://www.portal.mohe.gov.my> . Dicapai pada 1 September 2016.
- Portal Rasmi Universiti Sains Malaysia. <http://www.usm.my>. Dicapai pada 30 Ogos 2016.
- Raja Masittah Raja Ariffin (2008), Rakan Yang Menyemarakkan Bahasa. Majalah Dewan Bahasa, Ogos 2008, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Safiah Haji Ahmad, Siti Ajar Haji Ikhsan dan Suhana Yusof. (2010). Alih Kod Satu Fenomena Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia. Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Trend dan Amalan. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Siti Ajar Hj Ikhsan dan Safiah Ahmad (2010). Bahasa Pesanan Ringkas(SMS) Bahasa Popular? Satu tinjauan Bentuk Bahasa SMS dalam kalangan Pelajar universiti Sains Malaysia. Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Trend dan Amalan
Penerbit Universiti Sains Malaysia: 288-298
- Siti Ajar dan Safiah. (2013). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di IPT: Antara Keperluan dengan Kecintaan. Prosiding Persidangan Antarabangsa & Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan, 6-7 Mac 2013. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Teo Kok seong. (2007) Motivasi Untuk Percampuran Bahasa / Bahasa Rojak. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa Rojak yang diadakan pada 18-19 Julai 2007 di Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Teo Kok Seong. (2009). Bahasa Melayu dan Komunikasi dalam dunia Global: Persoalan Keupayaan Bahasa Melayu, Keutuhan Jati Diri Bangsa Melayu dan Ketakatan Budaya Melayu. Jurnal Bahasa: 100-116.